

*Dang kerik hanya kundi,
Dang merah hanya saga,
Dang baik hanya kudi,
Dang indah hanya bahasa,
Baik campedak di luar pagar,
Aibid galah telang jelakkan,
Daga budak kani belajar,
Kalian salah telang tunjukkan.*



基础马来语

BAHASA MELAYU JILID KE-3

吴宗玉 编著

第三册

外语教学与研究出版社

基础 马来语

BAHASA MELAYU JILID KE-3

吴宗玉 编著 第三册

外语教学与研究出版社
北京

图书在版编目(CIP)数据

基础马来语.第3册 / 吴宗玉编著. —北京: 外语教学与研究出版社, 2010. 2

ISBN 978-7-5600-9361-1

I. ① 基… II. ① 吴… III. ① 马来语 — 高等学校 — 教材
IV. ① H631.1

中国版本图书馆CIP数据核字 (2010) 第027344号

出 版 人: 于春迟

责任编辑: 孙纪晓

封面设计: 张 峰

出版发行: 外语教学与研究出版社

社 址: 北京市西三环北路19号(100089)

网 址: <http://www.fltrp.com>

印 刷: 北京国工印刷厂

开 本: 850×1168 1/32

印 张: 13.25

版 次: 2010年2月第1版 2010年2月第1次印刷

书 号: ISBN 978-7-5600-9361-1

定 价: 53.00元

* * *

如有印刷、装订质量问题, 请与出版社联系

联系电话: (010)61207896 电子邮箱: zhijian@fltrp.com

制售盗版必究 举报查实奖励

版权保护办公室举报电话: (010)88817519

物料号: 193610001

前言

马来语基础教材第一册、第二册的内容着重在马来语基本功的训练上，从本册开始进入提高阶段。本册的编写原则是：以学生为本，扩大学生的知识面，强调学生学习的主动性。

在选材方面，注意题材和体裁的多样性，既有马来民间故事，也有马来西亚国家语文局推荐的文学作品，如：*Iakah Salmah* 和 *Nyawa di Hujung Pedang*。此外，还节选了马来文学名著《马来纪年》的部分章节和反映中马友好关系的记叙文《郑和》。总的来看，文学作品占本册教材的主要地位。文学是语言的基础，希望学生能通过大量阅读文学作品来提高自己的语言水平。

在教材内容方面，根据编者长期的教学经验，学生仅仅依靠精读课课文来学习语言是远远不够的，因此，在本册教材的编选过程中，选用了大量供学生自学的材料。如“马来语精华”，包括马来语的成语、谚语、比喻等等；“马来语常用词汇”，补足了学生词汇量不足的缺陷，这些词汇均选自牛津出版社《马来语词汇集》，希望同学们能自觉背诵和掌握这些词汇。“语法问答”是针对一些常见的语法错误而编的；“语调模仿训练”材料则选自马来西亚电台“学国语”节目，要求学生熟读、模仿、背诵，这是学生正确掌握语调的好方法。

综上所述，本册的学习不仅要求学生上课认真听教师的讲课，更主要的是必须充分发挥学生课下学习的主动性。

本册课文经过马来西亚专家 Noraini 女士和 Norshabihah 女士的修改，又经马来西亚著名学者 Awang Sariyan 教授的最后审定。在排版和校对的过程中，得到了傅聪聪和孙丹同志的大力帮助，在此一并表示衷心的感谢。

编者

2008 年 8 月

KANDUNGAN

PELAJARAN 1

PAK PANDIR MEMINDAHKAN GUNUNG1

PELAJARAN 2

TIPU DAYA YANG CERDIK.....20

PELAJARAN 3

NYAWA DI HUJUNG PEDANG.....41

PELAJARAN 4

IAKAH SALMAH?88

PELAJARAN 5

UNIKNYA KETURUNAN BABA DAN NYONYA.....123

PELAJARAN 6

HANG TUAH: PAHLAWAN MELAYU157

PELAJARAN 7

SEJARAH MELAYU195

PELAJARAN 8

RIMBA HARAPAN242

PELAJARAN 9

KEJADIAN DI DALAM ESTET269

PELAJARAN 10

LEGENDA MAHSURI294

PELAJARAN 11	
LAKSAMANA ZHENG HE	318
PELAJARAN 12	
BERMESRA DENGAN ALAM SEKITAR	342
PELAJARAN 13	
PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU	367
PELAJARAN 14	
BERSEMUKA DENGAN TUNKU	394

PELAJARAN 1

PAK PANDIR MEMINDAHKAN GUNUNG

Gunung Taihang dan Gunung Wangwu ialah dua buah gunung yang besar lagi tinggi. Tingginya beribu-ribu **kaki** dan ukuran kelilingnya ialah 700 **batu**.

Di sebelah utara gunung itu, tinggal seorang lelaki tua yang berusia hampir 90 tahun. Namanya Pak Pandir. Rumahnya **menghadap** kedua-dua buah gunung itu. Jika dia hendak keluar, dia terpaksa berjalan **berbelit-belit** mengelilingi gunung itu. Hal ini tentu sahaja sangat menyusahkan hatinya.

Pada suatu hari, Pak Pandir mengumpulkan semua ahli keluarganya lalu berkata,

“Kedua-dua buah gunung itu telah **merentangi** jalan yang kita gunakan untuk keluar ke bandar dan keadaan ini menyusahkan hubungan kita dengan dunia luar. Marilah kita bersama-sama memindahkan gunung itu serta membina sebatang jalan raya menuju ke bandar supaya jalan yang akan kita lalui nanti tidak berbelit-belit lagi.

Sekalian ahli keluarganya pun bersetuju dengan cadangan Pak Pandir, kecuali isterinya sahaja yang berasa ragu-ragu. Katanya kepada Pak Pandir,

“Bukit pun belum tentu dapat abang ratakannya, **inikan pula** dua buah gunung yang sedemikian besar! Saya ingin bertanya, ke manakah pula batu dan tanah yang digali itu akan dibuang nanti?”

Jawab Pak Pandir, “Bukankah baik kalau kita membuang tanah dan batu dari gunung-ganang yang akan digali itu ke Laut Bo? **Jangankan** dua buah gunung, lebih daripada itu pun kita tidak akan mengalami kekurangan tempat untuk membuangnya!”

Keesokan harinya, Pak Pandir **mengepalai** keluarganya bekerja keras untuk meratakan kedua-dua buah gunung itu. Seorang kanak-kanak yang berumur kira-kira 8 tahun, anak kepada seorang **janda**, jiran Pak Pandir, juga ikut serta membantu. Bertahun-tahun lamanya mereka menggali tanah, memikul **batu-batan** dan mengangkutnya serta membuangnya ke Laut Bo.

Di tepi Sungai Kuning pula, tinggal seorang lelaki tua yang amat cerdik dan terkenal dengan nama Pak Cerdik. Melihat perbuatan Pak Pandir dan ahli keluarganya yang bersusah payah dan bekerja keras untuk meratakan gunung itu, dia berasa sangat **geli** hati dan berasa sangat **hairan**. Lantas, pergilah dia **mendapatkan** Pak Pandir untuk menyampaikan pendapatnya tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh Pak Pandir itu. Dia pun berkata,

“**Betapa bodohnya** engkau ini, **wahai** Pak Pandir! Usiamu sudah **lanjut** dan segenap tenagamu itu tidak cukup untuk mencabut serumpun rumput sekalipun, manakan mungkin engkau dapat memindahkan tanah dan batu yang sedemikian banyaknya itu?”

Pak Pandir **mengeluh** panjang lalu menjawab.

“Rupanya fikiranmu terlalu **cetek**. Anak janda yang menjadi jiranku ini lebih pandai berfikir daripadamu. Benar katamu, sungguhpun aku sudah tua dan usiaku tak berapa panjang lagi, tetapi

jika aku mati, masih ada anakku yang akan meneruskan usahaku ini. Jika anakku mati, akan ada cucuku pula yang akan meneruskan usahaku ini. Demikianlah seterusnya pekerjaan itu disambung turun-temurun oleh cucu-cicit aku di belakang hari. Malahan kedua-dua buah gunung ini tidak akan bertambah tinggi **walaupun sejengkal**, batu dan pasirnya tak akan bertambah walaupun sebutir. Lantaran itu, mengapakah kami tidak dapat meratakan gunung ini?”

Mendengar perkataan Pak Pandir itu, Pak Cerdik yang menganggap dirinya bijak itu pun berasa sangat malu lalu pergi dari situ **tanpa** berkata apa-apa.

PENJELASAN BACAAN

1. kaki

(a) anggota badan 脚

(b) penjumlah bilangan bagi payung. Cth:

se~ payung 一把伞

(c) ukuran panjang. Cth:

satu kaki = 0.305 meter = 0.914 市尺

(d) orang yang suka melakukan sesuatu. Cth:

~ minum 酒鬼 ~ judi 赌鬼

~ perempuan 色鬼 ~ gaduh 爱吵架的人

~ bola 球迷

(e) 其他用法:

~ lima	骑楼	~ ayam	光脚
~ tangan	职员	~ bangku	凳脚

2. batu

- (a) 石头
- (b) 英里 satu batu = 1.609 kilometer
- (c) kepala batu 顽固不化 (Prb)

3. menghadap

- (a) bahagian muka atau depannya, menghala ke...Cth:
 - Orang Islam sembahyang ~ kiblat.
 - Rumah peranginan itu ~ ke laut.
- (b) datang menemui (raja atau orang besar-besar). Cth:
 - Dia dipanggil untuk ~ Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

4. berbelit-belit

- (a) berlilit-lilit. Cth:
 - Akar pokok itu ~ pada tiang pagar itu.
- (b) berkelok-kelok, berpusing-pusing. Cth:
 - Jalan menuju ke pergunungan itu sangat ~.
- (c) berjalin-jalin, bersambung-sambung, bersangkut-paut, kacau. Cth:

- Fikiran yang timbul begitu kusut, yang datang berkacau-kacau, ~.

5. merentangi

(a) merentang pada...Cth:

- Mereka membina sebuah jambatan gantung yang ~ sungai.
- Jalan kereta api untuk ke tempat itu merentangi kawasan gurun itu.

(b) merintang, menghalangi. Cth:

- Semua kesukaran yang ~ usahanya telah dapat diatasi akhirnya.

6. ...pun belum tentu...inikan pula...,还不一定行, 更何况..... Cth:

- Hendak membeli sebuah rumah kecil pun belum tentu dia mampu, inikan pula sebuah banglo.
- Hendak melancong dalam negeri pun belum tentu dia mampu, inikan pula ke luar negara.

7. jangankan ..., 别说..... Cth:

- ~ seratus ringgit, dua puluh ringgit pun saya tak ada.
- ~ pula hendak mendaki gunung seribu meter, gunung seratus meter pun saya tak sanggup.

8. **mengepalai** = mengetuai, memimpin. Cth:

- Cikgu ~ perhimpunan itu.
- Doktor Mahathir telah ~ Malaysia selama 20 tahun lebih.

9. **janda**

- (a) orang perempuan yang pernah berkahwin tetapi tidak bersuami lagi kerana bercerai atau kematian.
- (b) janda belum berlaki = kata kiasan untuk gadis yang telah dinodai orang kemudian ditinggalkan.
- (c) janda berhias =
 - janda yang belum mempunyai anak
 - pengantin perempuan yang kematian suaminya sebelum berseketiduran dengannya.
- (d) janda muda = perempuan yang sudah menjadi janda dalam usia yang muda.

10. **batu-batan** 各种石头

11. **geli**

(a) ngilu. Cth:

- Tina menjerit kerana berasa ~ apabila tersentuh ular itu. 毛骨悚然

(b) rasa hendak ketawa. Cth:

- Dia berasa geli hati apabila mendengar cerita lucu itu. 好笑, 可笑

12. **hairan** = berasa aneh atau pelik kerana melihat atau mendengar sesuatu. Cth:

- Mak Bedah hairan melihat kejadian yang aneh itu.

13. **mendapatkan**. Cth:

- Mereka mengadakan persembahan itu untuk ~ wang. 得到
- Mereka pergi ~ naib canselor untuk berbincang tentang sesuatu. 会见

14. **betapa ...-nya**. Cth:

- Betapa indahnyanya pemandangan di pantai itu.
- Betapa pintarnya budak itu kerana lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

15. **wahai** 嗨（语气词），常用在古典文学诗歌中，现已不常用。

Cth:

- ~ isteriku, marilah datang ke sini!
- ~ anakku, dengarlah nasihat ibumu ini!

16. lanjut. Cth:

- Datuk masih sihat walaupun usianya telah ~. 年迈
- Keterangan ~ boleh didapati daripada setiausahanya. 进一步的

17. mengeluh = keluh, kesah, melahirkan rasa dukacita atau sedih kerana sesuatu penderitaan, kemusykilan, berkeluh-kesah, merintih. Cth:

- Kenaikan harga barang menyebabkan orang kampung yang berpendapatan rendah ~.
- Dia termenung panjang lalu ~.

18. cetek = tohor, dangkal. Cth:

- Air sungai itu sangat ~. 浅
- Pengetahuannya amat ~. 肤浅

19. sejengkal (jengkal) = jarak antara hujung ibu jari dengan hujung jari telunjuk. 一虎口

20. walau apa pun. 即使, 尽管。Cth:

- Walau apa pun yang terjadi, saya tetap akan pergi.
- Walau apa pun alasannya, saya tidak menerimanya.

21. **tanpa** = dengan tidak. Cth:

- Dia meninggalkan pejabat ~ berkata apa-apa.
- Budak itu suka membuat sesuatu ~ memikirkan buruk-baik perkara tersebut.

LATIHAN BACAAN

A. Tanya Jawab

1. Siapakah Pak Pandir? Mengapakah dia berusaha bersungguh-sungguh untuk meratakan gunung-gunung itu?
2. Apakah pendapat isteri Pak Pandir dalam usahanya untuk meratakan gunung itu?
3. Apakah yang akan dilakukan oleh Pak Pandir dan ahli keluarganya terhadap tanah-tanah dan batu-batan dari gunung-ganang yang dipindahkan itu?
4. Siapakah Pak Cerdik?
5. Pada pandangan anda, apakah perbezaan antara sikap Pak Pandir dengan sikap Pak Cerdik? Jelaskan dengan ayat sendiri.
6. Berdasarkan cerita di atas, apakah pengajaran yang dapat anda peroleh?

B. Terjemahkan ayat-ayat di bawah ini ke dalam bahasa Mandarin.

1. Bilik darjah kami menghadap ke utara.

2. Si Amin selalu berbelit-belit fikirannya sehingga susah kami memahaminya.
3. Kaki lima selalu kita nampak di Guangdong dan Hokien. Barangkali kaki lima di Kuala Lumpur itu menerima pengaruh dari China.
4. Jangankan seribu meter, dua ribu meter pun kami dapat mendaki.
5. Hendak menyewa sebuah bilik kecil pun belum mampu, inikan pula dua buah bilik besar.
6. Betapa cantiknya tasik Kunming dalam Istana Musim Panas!
7. Kami memerlukan keterangan lanjut selepas mendengar bunyi letupan yang dahsyat itu.
8. Walau berapa pun gajinya, saya tetap akan menjadi guru.
9. Jangan mengeluh sahaja sepanjang hari. Kita mesti mencari jalan keluar.
10. Perbuatannya sangat menggelikan hati kami.

C. Terjemahkan ayat-ayat di bawah ini ke dalam bahasa Melayu.

1. 别说是 20 万人，就是 200 万人我们也不怕。
2. 即使遭受了水灾，他们今年仍然取得丰收。
3. 我老家的房屋是朝东的。
4. 听了他的解释，我感到很可笑。
5. 20 公斤的粮食他都抬不动，更何况是 50 公斤的！
6. 知识肤浅的人是要被时代淘汰的。